# CHAIRMAN'S STATEMENT



# PENYATA PENGERUSI

103775 mab report L9 19/3 4/2/01 10:59 AM Page 26



## Financial Overview

Malaysia Airports Holdings Berhad recorded a healthy growth in the financial year 2000. Turnover for the year was RM881.2 million as compared to RM816.9 million in 1999, an increase of 7.9%. A positive contributor to the Group's increased turnover was the growth in the domestic and regional economies both of which had a positive effect on travel trends.

The profit before taxation of the Group for the financial year 2000 stood at RM203.8 million compared to the preceding financial year at RM272.0 million. This decrease was mainly due to higher operating costs as well as losses in organizing motorsports events at the Sepang F1 Circuit due to poor support and high costs of organizing such events. As the motorsports event, such as Formula One, provided significant benefits to the economy and raised the profile of Malaysia internationally, the Group intends to seek the support of the Government of Malaysia in order to continue organizing world-class motorsports events at the Sepang F1 Circuit.

## Group Highlights

32.7 million passengers travelled through all the airports compared to 31.1 million, which was the highest ever achieved in 1997. KLIA continued to receive international recognition. In the year 2000, it was voted the sixth most favoured airport in terms of service rankings by the International Air Transport Association (IATA) Global Airport Monitor. IATA also maintained KLIA's position as having the second best hub potential in the Asia Pacific region, after Sydney. As part of our commitment to enhance the level of service to our customers, we had in November 2000 launched a groupwide Quality Management Programme in our quest to attain operational excellence.

## Gambaran Kewangan

Pada tahun kewangan 2000, Malaysia Airports Holdings Berhad menunjukkan perkembangan positif dengan pendapatan mencapai RM881.2 juta berbanding RM816.9 juta pada 1999, iaitu peningkatan 7.9%. Kejayaan tersebut adalah hasil dari perkembangan ekonomi tempatan dan antarabangsa, yang memberi kesan positif kepada aliran perjalanan penumpang.

Keuntungan sebelum cukai Kumpulan untuk tahun 2000 berjumlah RM203.8 juta, berbanding RM272.0 juta pada tahun kewangan yang lalu. Kemerosotan ini adalah



kerana Kumpulan terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi dalam menganjurkan acara sukan bermotor di Litar F1 Sepang. Oleh kerana acara sukan bermotor seperti Formula One telah membawa pulangan kepada ekonomi serta menaikkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, Kumpulan bercadang untuk mendapatkan sokongan dari kerajaan Malaysia untuk terus menganjurkan acara sukan bermotor bertaraf antarabangsa di Litar F1 Sepang.

## Maklumat Kumpulan

Aliran penumpang adalah seramai 32.7 juta penumpang iaitu jumlah tertinggi melebihi jumlah 31.1 juta yang dicatatkan pada 1997. KLIA terus mendapat pengikhtirafan antarabangsa. Pada tahun 2000, Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) telah memilih KLIA sebagai lapangan terbang yang ke-enam terbaik di dunia dari segi perkhidmatan. IATA juga mengekalkan KLIA sebagai hub yang kedua paling berpotensi di rantau Asia Pasifik, selepas Sydney. Kumpulan juga telah melancarkan Program Pengurusan Berkualiti secara menyeluruh pada 2000 bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan. Ini akan mengukuhkan lagi komitmen kami untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan.



During the year under review, the Group launched a few new business initiatives which are in line with the strategy of the Group to provide the basis for future income growth from non-aeronautical income sources, whilst ensuring growth in income from the aeronautical sector.

A notable new initiative is the commencement of operations in Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd.(APAC), which is 99% owned by the Group, in October 2000. APAC is an auction centre with unique facilities, its location within the vicinity of Sultan Abdul Aziz Shah airport, and operates under the "total clearance" concept whereby it is able to facilitate local and international auction transactions by offering supporting services at the Centre.

During the year under review, Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC), which manages the world-class Sepang F1 Circuit, successfully hosted several world-class motor racing events including the Federation Internationale Automobile (FIA) Formula One World Championship and the Federation Internationale Motorcyclists (FIM) World Motorcycle Grand Prix. The Formula One race at the Sepang FI Circuit, which was held in October 2000, provided

Pada tahun 2000, Kumpulan telah menjalankan beberapa inisiatif baru, selaras dengan strategi untuk meningkatkan pendapatan dari sektor bukan aeronautik, di samping mempastikan peningkatan pendapatan sektor aeronautik yang berterusan.

Salah satu inisiatif itu ialah pelancaran Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd. (APAC) pada Oktober 2000, yang 99% dimiliki oleh Kumpulan. Pusat lelongan ini mempunyai kemudahan yang unik serta terletak di dalam kawasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Dengan konsep operasi "total clearance", APAC menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan yang memudahkan transaksi lelongan tempatan dan antarabangsa.

Pada tahun yang sama, Litar F1 Sepang, yang dikendalikan oleh Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC), telah berjaya menjadi tuanrumah kepada beberapa acara bermotor bertaraf antarabangsa termasuk Kejohanan Perlumbaan Formula One (FIA) dan Grand Prix Motosikal Sedunia FIM. Perlumbaan Formula One di Litar F1 Sepang yang diadakan pada Oktober 2000 telah menghasilkan kesan positif kepada ekonomi di samping menonjolkan lagi imej negara ke seluruh dunia. Sejak penubuhannya pada 1999, SIC telah dianugerahi Grand Prix Terbaik Sedunia pada 1999 daripada Formula One Management Limited, dan anugerah Litar Tercantik di Dunia daripada Festival Automobile International pada tahun 2000.

Lain-lain inisiatif pada tahun 2000 termasuk penubuhan anak syarikat milik penuh Kumpulan, TAMS.COM Sdn. Bhd. Syarikat tersebut giat menguruskan operasi serta penyelenggaraan infrastruktur Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Bersepadu (TAMS). Ia merupakan sistem yang menggunakan teknologi terkini yang diperkenalkan buat pertama kalinya di KLIA.

## Dividen

Para Pengarah telah mengesyorkan dividen kasar sebanyak 7.5 sen sesaham (dikecualikan cukai) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

## Jangkaan Masa Hadapan

Berdasarkan inisiatif yang telah diambil pada tahun 2000, Kumpulan yakin lebih banyak perkembangan positif akan dapat dilihat di tahun-tahun akan datang. Kami akan terus komited untuk menjayakan usaha menjadikan Kumpulan sebagai salah sebuah syarikat pengurusan lapangan terbang yang terulung di dunia.

significant benefits to the economy and projected the image of Malaysia all over the world. Since its inception in 1999, SIC was awarded the World's Best Organised Grand Prix in 1999 from Formula One Management Limited and The Most Beautiful Circuit In The World award from Festival Automobile International, in the year 2000.

Other initiatives during the year under review include the establishment of a wholly owned subsidiary, TAMS.COM Sdn. Bhd. which is currently engaged in the operations and maintenance of the Total Airport Management System (TAMS) infrastructure, which is the state-of-the-art airport management technology pioneered by KLIA.

## Dividend

The Directors recommend a final tax-exempt dividend of 7.5 sen per share in respect of the financial year ended 31 December 2000.

## Outlook

Following the various initiatives undertaken in the year 2000, we look forward to more positive development in the year ahead. We shall remain committed to our goal of being among the premier airport companies in the world.

In our bid to improve the level of service at the airports, several upgrading projects are currently being undertaken such as in Penang and Kota Bahru. The upgrading projects are part of the Group's commitment to enhance the level of service to passengers and users at the airports. Under the Concession Agreement entered into by the Group with the Government of Malaysia, there is a scope for review of the rates and charges to sustain these efforts.

## Acknowledgement

On behalf of the Board of Directors of Malaysia Airports Holdings Berhad, I thank the management and staff of the Group, business associates, international and domestic passengers, shareholders, Ministries, Government Departments and statutory bodies for their support and cooperation throughout the year. I also express my gratitude to the members of the Board for their wise counsel and guidance, and unfailing support throughout the year.



Sebagai usaha memperbaiki perkhidmatan di lapangan terbang, beberapa projek menaik taraf sedang dijalankan di Pulau Pinang dan Kota Bharu. Ini akan membolehkan Kumpulan memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada penumpang serta pengguna lapangan terbang. Di bawah Perjanjian Konsesi yang dimeterai antara Kumpulan dengan Kerajaan Malaysia, terdapat peruntukan untuk mengkaji semula kadar bayaran untuk menyokong usaha-usaha ini.

## Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan Kumpulan, rakan perniagaan, penumpang domestik dan antarabangsa, pemegang saham, pihak Kementerian dan jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun diatas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun 2000. Saya juga amat berterimakasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah di atas segala nasihat dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun.

**Tan Sri Dato' Haji Basir bin Ismail**
Chairman ✣ Pengerusi

# BUSINESS REVIEW



# TINJAUAN PERNIAGAAN



Malaysia Airports Holdings Berhad took-off on positive ground as a corporate entity in the year 2000, following its successful listing on the Kuala Lumpur Stock Exchange's (KLSE) Main Board on 30 November, 1999.

As the Group progressed into the financial year, it built on its already firm business foundations and established additional strategic businesses, in line with its ambition to capture a reasonable share of revenue from non-aeronautical businesses. Turnover realised was RM881.2 million as compared to RM816.9 million in 1999, an increase of 7.9%.

## MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN. BHD. AND MALAYSIA AIRPORTS SDN. BHD.

### Uptrend In Aviation Related Operations

Airport services across the board recorded positive performance in the year 2000, with a turnover of RM580.4 million and a pre-tax profit of RM199.8 million. In its second full year of operations, the K.L. International Airport (KLIA) achieved significant progress, in terms of passenger traffic and cargo handled.

In terms of passenger movements, a general uptrend was recorded with an overall positive growth of 11.7%, from 29.3 million in 1999 to 32.7 million in 2000. This represented the highest level of passenger movements ever at the airports managed by the Group, since its inception in 1992. KLIA and Subang together recorded an increase of 11.0% from 15.2 million in 1999 to 16.8 million passengers in 2000. KLIA alone handled 14.7 million passengers, 1.5 million or 11.8% more than the previous year.

Double digit growth for passenger movements were also recorded at Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi, Johor Bahru, Ipoh, Mulu, Kuala Terengganu, Alor Setar, Pulau Pangkor, Labuan, Lahad Datu, Sandakan and Miri.

An overall marginal decline of -1.1% was seen in aircraft movements at the airports. However, increases in aircraft movements were recorded at Bintulu (15.9%), Lahad Datu (10.1%), Kuching (9.5%) and Subang (8.4%). The decline in aircraft movements can be attributed to some carriers maximising space utilisation of aircraft through high load factors and by substituting larger aircraft for their services.

Malaysia Airports Holdings Berhad mengorak langkah positif sebagai entiti korporat pada tahun 2000 ekoran penyenaraiannya di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada 30 November 1999.

Dengan asas kukuh yang sedia ada, Kumpulan telah melalui tahun kewangan tersebut dengan meneruskan usaha bagi mengembangkan perniagaan selari dengan objektif untuk meningkatkan pendapatan dari sumber bukan aeronautik. Pendapatan tahun 2000 meningkat sebanyak 7.9% kepada RM881.2 juta, berbanding RM816.9 juta pada 1999.

## MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN. BHD. DAN MALAYSIA AIRPORTS SDN. BHD.



### Kenaikan Arah Operasi Penerbangan

Pada tahun 2000, operasi lapangan terbang secara keseluruhannya telah menunjukkan perkembangan positif, dengan pendapatan RM580.4 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM199.8 juta. Didalam tahun kedua beroperasi, KLIA telah mencatat peningkatan aliran penumpang dan kargo.

Kumpulan telah mencatatkan peningkatan aliran penumpang sebanyak 11.7%, dari 29.3 juta pada 1999 ke 32.7 juta pada 2000. Ini merupakan jumlah aliran penumpang yang tertinggi di uruskan oleh Kumpulan sejak ia ditubuhkan pada 1992. Jumlah aliran penumpang di KLIA dan Subang menunjukkan peningkatan 11.0%, dari 15.2 juta pada 1999 ke 16.8 juta pada 2000. KLIA sendiri telah menguruskan 14.7 juta penumpang, peningkatan 1.5 juta atau 11.8% dari tahun sebelumnya.

Selain dari itu, peningkatan dua angka bagi aliran penumpang juga dicatat oleh lapangan terbang di Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi, Johor Bahru, Ipoh, Mulu, Kuala Terengganu, Alor Setar, Pulau Pangkor, Labuan, Lahad Datu, Sandakan dan Miri.

# BUSINESS REVIEW TINJAUAN PERNIAGAAN







Notwithstanding the uncertainties in the world macro economic environment, the recovery of the Malaysian economy and the improved business confidence in the country augur well for the air travel industry, which contributes positively to passenger growth. The Group anticipates a general uptrend in passenger movements over the next few years based on the Airport Council International (ACI) forecast of a 5.0% traffic growth in the Asia Pacific region over the next few years.

The general outlook for the airport services segment is positive. KLIA, with the current infrastructure already in place, is able to support up to 25 million passenger movements per annum. No significant capital outlay is expected until 2007. Therefore, growth is expected to translate into higher earnings.

To streamline airport development and to ensure more demand orientated long term development of airport facilities and infrastructure, the Group is in the process of preparing a 10-year national airport masterplan. The development of the masterplan will ensure proper rationalisation over cash outlay for capital expenditure and improvements at the airports. Under the Concession Agreement entered into by the Group with the Government of Malaysia there is scope for review of the rates and charges to sustain these efforts towards providing better services to the public.

Kumpulan juga telah mencatatkan pengurangan pergerakan pesawat sebanyak -1.1% di lapangan terbang. Ini kerana penggunaan pesawat yang lebih besar yang boleh menampung lebih muatan. Bagaimanapun, terdapat kenaikan pergerakan pesawat di Bintulu (15.9%), Lahad Datu (10.1%), Kuching (9.5%) dan Subang (8.4%)

Keadaan ekonomi yang semakin pulih serta keyakinan perniagaan yang meningkat membayangkan masa depan yang cerah untuk perjalanan udara. Kumpulan juga menganggarkan peningkatan aliran penumpang dalam tahun-tahun akan datang, berdasarkan jangkaan Airport Council International (ACI) yang aliran di rantau Asia Pasifik akan meningkat sebanyak 5.0%.

Dengan infrastruktur yang sedia ada, KLIA, mampu menampung sehingga 25 juta penumpang setahun. Kumpulan tidak menjangka sebarang pelaburan yang besar sehingga 2007. Sehubungan itu peningkatan aliran penumpang dijangka mendatangkan pulangan yang lebih tinggi.

Kumpulan juga sedang dalam proses menyediakan pelan induk 10 tahun untuk menyelaraskan pembangunan lapangan terbang serta mempastikan rancangan pembangunan jangka panjang yang berorientasikan permintaan. Pelan induk itu membolehkan perbelanjaan kewangan yang

### A Growing Hub

In April 2000, the International Air Transport Association (IATA) Global Airport Monitor ranked KLIA as the sixth most favoured airport in terms of service rankings as compared to fourteenth in 1999. It also ranked KLIA as the airport with the second best hub potential in the Asia Pacific region. The reports were published in February and April 2000 and their ratings are especially encouraging as it is recognised as the industry's leading benchmark for airport service performance.

New carriers that began operations at KLIA included Air Tours International, Asiana Airlines and Polar Air Cargo. Cathay Pacific, Emirates Airlines, KLM and Lauda Air have increased their frequencies to KLIA. Malaysia Airlines too has increased frequencies to Australia, London and other destinations in Europe and has plans to add on services to several new destinations in the Indian sub-continent. Although there were adjustments and consolidation of routings of foreign airlines in the region, the gradual growth of KLIA throughput is a positive indicator of future growth in the region.

Initiatives to develop KLIA as an important hub and a gateway of choice in the region continues, with focus being placed on achieving critical mass. The Group is working with an international consultant for the promotion of KLIA to attract more airlines to commence services into KLIA. In addition, an incentive programme was introduced in the year 2000, which allows foreign carriers to mount additional frequencies at promotional landing rates.

### Taking on Bigger Loads

The improved economic scenario also contributed to positive growth in cargo movement. An overall increase of 17.8% was recorded, with total movements amounting to 773.9 million kilograms. KLIA specifically saw an increase of 22.4%, from 417.1 million kilograms in 1999 to 510.6 million kilograms in the year 2000. This was followed by Penang International Airport, which handled 171.8 million kilograms of cargo in 2000. Johor Bahru Airport is now developing into an important cargo centre especially for charter operations. It handled 6.0 million kilograms of cargo in 2000 compared to 2.1 million kilograms in 1999, an impressive 190.3% year-on-year growth.

With the greater emphasis of trade liberalisation the Group is formalising plans to upgrade and enhance cargo facilities to accommodate larger cargo transhipment at KLIA and Penang.

teratur bagi pembangunan lapangan terbang. Di bawah Perjanjian Konsesi yang dimeterai antara Kumpulan dengan Kerajaan Malaysia, terdapat kemudahan untuk mengkaji semula kadar bayaran bagi menyokong usaha Kumpulan dalam menyediakan khidmat yang lebih baik kepada orang awam.

### Pusat Penerbangan Yang Berkembang

Pada April 2000, laporan IATA Global Airport Monitor yang dikeluarkan oleh International Air Transport Association (IATA) telah mengumumkan KLIA sebagai lapangan terbang yang ke-enam terbaik dari segi perkhidmatan, berbanding tempat ke-14 pada 1999. Kajian IATA menunjukkan KLIA mempunyai potensi kedua terbaik sebagai hub di rantau Asia Pasifik.

Laporan tersebut amat memberangsangkan kerana ia diakui industri sebagai piawai antarabangsa bagi prestasi sesebuah lapangan terbang.

Pada tahun lalu juga, syarikat-syarikat penerbangan seperti Air Tours International,. Asiana Airlines dan Polar Air Cargo telah mula beroperasi di KLIA. Selain itu, Cathay Pacific, Emirates Airlines, KLM dan Lauda Air pula telah menambahkan kekerapan penerbangan mereka ke KLIA. Penerbangan Malaysia juga telah menambah kekerapan penerbangannya ke destinasi di Australia, London dan beberapa destinasi di Eropah, serta merancang untuk menambah beberapa destinasi baru di benua India. Pertumbuhan trafik yang kian meningkat di KLIA juga menunjukkan perkembangan masa depan yang positif bagi KLIA di rantau ini.

Inisiatif untuk membangunkan KLIA sebagai pusat penerbangan pilihan rantau ini juga berterusan. Kumpulan sedang bekerjasama dengan perunding antarabangsa untuk mempromosikan KLIA bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan asing memulakan perkhidmatan di KLIA. Selain itu, satu program insentif diperkenalkan pada tahun 2000 yang membolehkan syarikat penerbanagn asing menambah kekerapan dengan bayaran pendaratan yang menarik.

### Muatan Yang Lebih Tinggi

Keadaan ekonomi yang semakin pulih telah membawa kepada peningkatan dari muatan kargo yang diuruskan. Pertumbuhan keseluruhan sebanyak 17.8% dicatatkan, dengan muatan seberat 773.9 juta kilogram. Di KLIA sahaja, aliran muatan meningkat sebanyak 22.4% dari 417.1 juta kilogram pada 1999 ke 510.6 juta kilogram pada tahun 2000. Ini diikuti oleh Lapangan Terbang

# BUSINESS REVIEW TINJAUAN PERNIAGAAN

**Facility Improvements**

A sum of RM46 million was spent in the year 2000 for capital improvements and upgrading of airports. Expansion works are currently underway at the Penang and Kota Bharu airport terminals. Other airports that were upgraded in the year 2000 include Kuching, Sibu, Sandakan and Johor Bahru.

The new Penang Cargo Centre commenced operations in 2000. Covering a total area of 350,000 square feet, it has a total annual capacity to handle 360,000 metric tonnes of cargo, which is able to support the air freight requirements of industries here, particularly the electronics sector.

**Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.**

It was another year of growth for Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd. (MAN), which operates duty free and non-duty free outlets at the airport under the brand name Eraman. Total revenue generated by MAN in year 2000 was RM146.4 million, representing an increase of 20.3% over the previous year. Approximately 80% of revenue in 2000 was from retail activities. The higher revenues by MAN were partly contributed by the increase in passenger movements at the airports during the year.

In an effort to broaden its retail base, MAN embarked to seek other similar opportunities outside of the airports. It commenced its first retail outlet outside of the airport by operating the Tie Rack outlet at Suria KLCC from November 2000. In addition, two new outlets were launched at Miri Airport and Penang International Airport.

The Food & Beverage division diversified into event catering management when MAN was appointed as the Food & Beverage Manager by Sepang International Circuit Sdn. Bhd. for events at the Sepang F1 Circuit.

**Sepang International Circuit Sdn. Bhd.**

During the year under review, Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC) , hosted two major world class racing events, besides a host of national events at this prestigious new circuit. Both the Federation International Motorcyclistes (FIM) World Motorcycle Grand Prix held from 31 March to 2 April 2000 and the Federation Internationale Automobile (FIA) Formula One World Championship, held from 20 to 22 October 2000, were a boost to the tourism industry.

The Formula One event, which was broadcasted globally to over 260 countries and over 600 million viewers, projected Malaysia's image internationally and brought significant

Antarabangsa Pulau Pinang yang mengendali 171.8 juta kilogram kargo pada tahun 2000. Di Johor Bahru pula, operasi kargo berkembang dengan pesat, terutamanya untuk operasi charter. Aliran muatan di Johor Bahru telah bertambah 190.3% ke 6.0 juta kilogram pada tahun 2000 berbanding 2.1 juta kilogram pada 1999.

Dengan penekanan kepada perdagangan bebas, Kumpulan juga merancang untuk menaikkan taraf kemudahan kargo bagi membolehkan pengurusan muatan kargo yang lebih tinggi di KLIA dan Pulau Pinang.

**Peningkatan Kemudahan**

Sejumlah RM46 juta telah dibelanjakan pada tahun 2000 untuk memperbaiki dan menaikkan taraf lapangan terbang. Kerja-kerja pembesaran sedang berjalan di terminal Pulau Pinang dan Kota Bharu. Lain-lain lapangan terbang yang dinaikkan taraf termasuklah di Kuching, Sibu, Sandakan dan Johor Bahru.

Pusat Kargo Pulau Pinang yang baru telah mula beroperasi pada tahun 2000. Dengan kawasan seluas 350,000 kaki persegi, ia mempunyai kemampuan aliran muatan tahunan sebanyak 360,000 tan metrik. Ini cukup untuk memenuhi keperluan muatan industri di sini, terutamanya dari sektor elektronik.

**Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.**

Bagi tahun 2000, Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd. (MAN) telah menghasilkan pendapatan berjumlah RM146.4 juta, peningkatan 28.3% berbanding tahun sebelumnya. Lebihkurang 80% dari pendapatan pada 2000 adalah dari aktiviti runcit. Pendapatan MAN meningkat berikutan jumlah aliran penumpang yang lebih tinggi pada tahun tersebut.

MAN juga telah mengembangkan sayapnya ke luar lapangan terbang. Kedai yang pertama di luar KLIA ialah kedai Tie Rack di Suria KLCC yang dibuka pada November 2000.

Dua buah kedai baru juga telah di buka di Lapangan Terbang Miri dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Bahagian Makanan dan Minuman (F&B) pula telah memulakan operasi pengurusan katering apabila ia dilantik sebagai Pengurus F&B oleh Sepang International Circuit Sdn. Bhd. bagi acara sukan bermotor di Litar F1 Sepang.

**Sepang International Circuit Sdn. Bhd.**

Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC) telah menganjurkan dua acara sukan bermotor bertaraf antarabangsa selain dari beberapa acara kebangsaan di litar yang berprestij ini sepanjang tahun 2000. Acara Grand Prix Motosikal Sedunia pada 31 Mac hingga 2 April, 2000 dan

103775 business Review L9 19/3 4/2/01 11:05 AM Page 6

economic benefits to the country. Spectator count for the Formula One race alone totalled more than 80,000, with foreigners comprising more than 65%.

A University Malaya study concluded that more than RM500 million was generated by the economy during the first Formula One race held in Kuala Lumpur in 1999. A recent statement by the National Economic Action Council also concluded that the Formula One event provides various benefits to the economy. Due to the above contribution of the Formula One event to the national tourism industry, the company is confident of the continuing support of the Government.

SIC was in the year 2000, honoured with two prestigious awards namely "The Most Beautiful Circuit In The World" award by Festival Automobile International and the Crystal Award by the Institute of Public Relations Malaysia for its public relations initiatives.

**MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd.**

MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd. (MAAH), a wholly-owned subsidiary, is managing an oil palm plantation covering an area of over 6,000 hectares on the land earmarked for the future development of KLIA. Since 1999, MAAH has

Kejohanan Perlumbaan Formula One FIA pada 20 hingga 22 Oktober, 2000 telah memberi sumbangan besar kepada industri pelancongan negara.

Acara Formula One yang disiarkan di lebih 260 buah negara dengan lebih 600 juta penonton telah memanfaatkan ekonomi negara serta menaikkan imej Malaysia di persada antarabangsa. Penonton acara Formula One sahaja berjumlah lebih 80,000 penonton dengan lebih 65% darinya datang dari luar negara.

Kajian oleh Universiti Malaya mendapati acara Formula One yang pertama pada 1999 telah menghasilkan RM500 juta untuk ekonomi negara. Laporan terkini dari Majlis Tindakan Ekonomi Negara pula berkesimpulan yang acara Formula One membawa kesan positif kepada ekonomi.

SIC, pada tahun 2000, telah dianugerahkan oleh Festival Automobile International sebagai "Litar yang Tercantik di Dunia", manakala Institut Perhubungan Awam Malaysia telah memberikannya Anugerah Kristal kerana inisiatif SIC di bidang perhubungan awam.

**MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd.**

MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd. (MAAH), sebuah anak syarikat milik penuh Kumpulan, menguruskan













embarked on a replanting programme. To date, an area of 4,200 hectares of the plantation has been replanted with new oil palm trees. Replanting activities over an area of 600 hectares will be further undertaken.

MAAH is also involved in landscaping works at KLIA, SIC and Subang Airport. In addition, MAAH is currently planning to develop a coconut plantation at the land surrounding Kota Bharu Airport.

### K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd.

The Group operates a 441-room hotel under the name The Pan Pacific Hotel K.L. International Airport, through its 60% owned subsidiary, K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd. The hotel enjoyed a good average occupancy of about 75.0% throughout the year 2000. The high service standards at the Pan Pacific Hotel K.L. International Airport was recognised when it was awarded the Best Airport Business Hotel in Asia by the Bloomberg Channel.

### ASIA Pacific Auction Centre Sdn. Bhd.

MAHB holds 99% equity interest in the Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd.(APAC) which was launched on 23 October 2000. Since its inception, the centre has held several

ladang kelapa sawit seluas 6,000 hektar di kawasan yang telah diperuntukkan untuk pembangunan KLIA di masa hadapan. MAAH telah memulakan usaha penanaman semula sejak 1999, dan sehingga kini seluas 4,200 hektar telah ditanam semula dengan pokok kelapa sawit yang baru. Penanaman semula sebanyak 600 hektar akan dilaksanakan.

MAAH juga terlibat dengan kerja-kerja lanskap di KLIA, SIC dan Lapangan Terbang Subang. Selain itu MAAH turut merancang untuk membuka ladang kelapa di kawasan sekitar lapangan terbang Kota Bharu.

### K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd.

Menerusi K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd. (dengan ekuiti 60%). Kumpulan juga menguruskan Hotel Pan Pacific KL International Airport yang mempunyai 441 bilik dan tahap penginapan purata sebanyak 75.0% pada tahun 2000. Mutu perkhidmatan yang cemerlang di hotel tersebut diakui a pabila mendapat anugerah Hotel Perniagaan Terbaik di Asia dari Bloomberg Channel.

### Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd.

MAHB memegang ekuiti 99% dalam Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd. (APAC) yang beroperasi pada 23 Oktober 2000. Sejak mula beroperasi APAC telah menganjurkan

auctions with products ranging from motor vehicles, heavy machinery, jewellery and other general items.

APAC facilitates "total clearance" for all types of products and has brought in other supporting services such as freight forwarding, financial services, insurance, restaurant and others. It is the only auction centre in the world that has direct access to a fully operational runway.

### TAMS.COM Sdn. Bhd.

This company was established to provide more cost-effective operations and maintenance of the Total Airport Management System (TAMS) infrastructure at KLIA, as well as a platform for the Group's involvement in Information and Communication Technology (ICT) ventures. The company is also venturing into other ICT-related businesses in other sectors.

### Quality Management

To date, KLIA has received ISO 9002 certifications for airport security, airport fire and rescue services and electrical power system. Efforts to improve quality was given greater emphasis in 2000. In its effort to create a benchmark in airport management, MAHB embarked on a quality improvement programme in November 2000. Quality Management Performance workshops were held for senior and middle management to instill a good sense of service quality across the board.

Other immediate targets for ISO 9002 certification are for TAMS.COM Sdn. Bhd., airside operations, terminal operations and engineering.

### Challenges and Prospects

During the year under review, the airport services sector contributed 66% of the total consolidated revenue of the Group. Total non-aeronautical revenues arising from both airport-related and non-airport businesses represented 53% of the Group's consolidated turnover. This contribution is reflective of the Group's strategy of venturing into new non-aeronautical businesses, which are synergistic with its core airport operating business. Among the new initiatives which are being undertaken by the Group is the proposed development of the National Exhibition and Convention Centre as part of the total redevelopment of Subang Airport.

Acknowledging that productivity contributes positively to the bottomline, the Group has embarked on a comprehensive training programme which focuses on multi-skilling and better work process. In addition, quality

beberapa acara lelongan pada lewat tahun 2000 dengan barangan seperti kenderaan bermotor, jentera berat, barang kemas dan lain-lain.

APAC mempunyai kemudahan "total clearance" untuk semua jenis barangan dan mempunyai khidmat sokongan seperti pengangkutan muatan, perkhidmatan kewangan, insurans, restoran dan lain-lain. Ia merupakan satu-satunya pusat lelongan di dunia yang mempunyai hubungan terus dengan landasan kapal terbang yang beroperasi sepenuhnya

### TAMS.COM Sdn. Bhd.

TAMS.COM Sdn. Bhd. telah ditubuhkan bagi menjalankan operasi dan pengendalian yang lebih kos-efektif bagi Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Bersepadu (TAMS) di KLIA, juga adalah sebagai asas penglibatan Kumpulan dalam usahanya di bidang teknologi maklumat dan komunikasi. TAMS.COM juga sedang meneroka lain-lain usaha perniagaan berkaitan teknologi maklumat dan telekomunikasi.

### Pengurusan Berkualiti

Sehingga kini, KLIA telah menerima sijil piawaian ISO 9002 bagi perkhidmatan keselamatan lapangan terbang, khidmat bomba dan penyelamat, serta sistem elektrikal.

Kumpulan telah memberi penekanan khusus untuk meningkatkan kualiti pengurusan pada tahun 2000. Dalam usaha untuk mewujudkan taraf pengurusan lapangan terbang, MAHB telah memulakan program mutu perkhidmatan pada November 2000. Bengkel Prestasi Pengurusan Berkualiti dianjurkan untuk pihak pengurusan atasan dan pertengahan bagi menanam sifat kepentingan khidmat berkualiti secara menyeluruh.

Sasaran Kumpulan bagi masa yang terdekat ialah untuk mendapatkan persijilan ISO 9002 bagi TAMS.COM Sdn. Bhd., operasi airside, operasi terminal, serta bahagian kejuruteraan.

### Cabaran dan Prospek

Bahagian aeronautik telah menyumbang 66% kepada pendapatan keseluruhan Kumpulan pada tahun 2000. Pendapatan dari bahagian bukan aeronautik yang merangkumi perniagaan berkaitan dan tidak berkaitan lapangan terbang merupakan 53% dari jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan. Ini membayangkan strategi Kumpulan untuk menceburi pelbagai bidang bukan aeronautik yang selaras dengan perniagaan operasi lapangan terbang. Antara inisiatif baru yang dijalankan oleh Kumpulan ialah cadangan pembangunan Pusat Pameran dan







## BUSINESS REVIEW TINJAUAN PERNIAGAAN








improvement teams in various operational areas have also been established to help develop a more proficient workforce to upgrade service standards.

The Group is confident that with greater free flow of trade pursuant to ASEAN Free Trade Area (AFTA) , KLIA will stand to benefit from this development to progress as a major hub in this region. Through strong fundamentals and good earnings potential, the Group looks forward to adding value for the shareholders.

Persidangan Kebangsaan yang merupakan sebahagian daripada cadangan pembangunan semula di Lapangan Terbang Subang.

Kumpulan juga sedar bahawa produktiviti amat penting. Oleh itu penekanan lebih akan diberikan kepada program latihan. Bila digandingkan dengan kumpulan pembangunan mutu dari pelbagai sektor operasi, ia akan menghasilkan kumpulan kerja yang lebih utuh dan akan meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan.

Kumpulan yakin bahawa perdagangan bebas di bawah perjanjian AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN) akan membawa lebih banyak manfaat kepada KLIA untuk menjadi hub di rantau ini. Dengan asas yang kuat dan potensi pendapatan yang baik, Kumpulan yakin akan memberikan lebih nilai untuk para pemegang saham.

